

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 4 OKTOBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 12

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1441-L12310

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) apakah prestasi atlet-atlet Malaysia yang baru sahaja pulang dari Temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020 mencapai sasaran yang kita harapkan; dan
- (b) apakah ganjaran yang akan diberikan kepada atlet yang berjaya membawa pulang pingat.

2. PR-1441-L11514

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk membantu golongan berpendapatan rendah untuk membayar kadar sewa rumah mereka memandangkan sudah terlalu ramai orang tidak mampu membayarnya sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula Mac lalu.

3. PR-1441-L11522

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa jumlah penganggur yang dicatatkan pada tahun 2021 setakat ini dan apakah perancangan Kementerian dalam memastikan lebih banyak peluang pekerjaan disediakan bagi mengurangkan kadar pengangguran.

4. PR-1441-L11936
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan dalam usaha untuk membanteras kegiatan judi nombor 4D tanpa lesen di negara ini, kerana kewujudannya telah menjejaskan hasil kutipan cukai Kerajaan dan pelaksanaan PKP telah menyebabkan judi tanpa lesen semakin berleluasa.

5. PR-1441-L12626
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah dasar-dasar kewangan jangka panjang dan perancangan Kementerian untuk membantu dan memulihkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) dan industri yang telah terkesan teruk akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan semasa pandemik COVID-19.

6. PR-1441-L11652
Puan Isnaraissah Munirah Majlis [Kota Belud] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
 - (a) alternatif yang tersedia buat individu yang tidak boleh divaksinasi atas faktor-faktor berkaitan kemudahan kesihatan; dan
 - (b) pewujudan dokumentasi yang dikhususkan bagi golongan tersebut untuk tujuan pergerakan fizikal.

7. PR-1441-L12522
Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan statistik terkini jumlah pendaftaran perniagaan atas talian (*online*) dan adakah Kerajaan menawarkan sebarang insentif kepada perniagaan kecil (*online*) yang dikatakan belum lagi boleh meraih keuntungan besar berbanding dengan perniagaan (*online*) besar seperti Lazada, 11th Street, Zalora dan eBay.

8. PR-1441-L11812
Tuan R. Sivarasa [Sungai Buloh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada Kementerian bercadang menaikkan peruntukan mengurus untuk baik pulih tadika dan taska KEMAS daripada RM9.5 juta kepada RM100 juta untuk 2022 (berkongsi dengan bajet pembangunan) supaya ribuan premis KEMAS yang berada dalam keadaan tidak memuaskan dan uzur boleh dibaik pulih dan/atau dibina semula.

9. PR-1441-L11975
Dato' Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan kesiapsiagaan Kementerian dalam menangani kemunculan varian-varian baru COVID-19 yang membimbangkan.
10. PR-1441-L12352
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah permohonan untuk Program Subsidi Upah 3.0 dan 4.0 (PSU3.0 dan PSU 4.0) dan jumlah kelulusan. Berapakah wang yang telah disalurkan sehingga kini berbanding PSU 1.0 dan PSU 2.0.
11. PR-1441-L12336
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan data bagi pelaksanaan projek pembangunan bagi kawasan Parlimen Lubok Antu bagi tahun 2020. Bagaimana projek ini disalurkan. Adakah ianya disalurkan sama ada melalui agensi di bawah Kerajaan pusat atau Kerajaan negeri.
12. PR-1441-L11980
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu kesesakan yang melampau tahanan imigresen di Pusat Tahanan Sementara (PTS) di Sabah berikutan permintaan Indonesia dan Filipina untuk menengguhkan penghantaran balik warganya berikutan wabak COVID-19.
13. PR-1441-L11901
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi membantu untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah yang terkesan akibat pandemik COVID-19.
14. PR-1441-L12207
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status pembinaan dewan terbuka (*Arena Square*) di Dataran Kerian Permai dan Dewan Tertutup di Pekan Kuala Kurau yang diumumkan oleh Menteri KPKT semasa mengadakan lawatan rasmi ke Parit Buntar pada bulan Jun 2020.
15. PR-1441-L12116
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah punca yang telah dikenalpasti oleh Kementerian terhadap peningkatan kes *brought-in-dead* COVID-19 ; dan
 - (b) bagaimanakah Kementerian akan menangani keadaan ini.

16. PR-1441-L12424
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah dan program yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengurangkan kadar kemiskinan penduduk luar bandar khususnya di Sabah bagi tempoh pandemik ini.
17. PR-1441-L12283
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mekanisme baharu untuk mengekang sindiket perjudian dalam talian yang dipromosikan secara terbuka di platform media sosial, sistem pesanan ringkas (SMS) dan sebagainya.
18. PR-1441-L11869
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa ahli-ahli Parlimen tidak dibekalkan dengan '*first-hand information*' mengenai data kematian dan kuarantin akibat COVID-19 agar dapat membantu dalam mengawal keadaan di kawasan masing-masing.
19. PR-1441-L12070
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk membina Balai Polis Kuala Krai yang baharu kerana balai polis ini telah begitu lama dan usang.
20. PR-1441-L12223
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) tarikh mula bina, status progres, unjuran terkini tarikh siap dibina dan penyerahan kunci bagi projek-projek rumah PR1MA; dan
 - (b) langkah-langkah bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh pembeli.
21. PR-1441-L12031
Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah program serta inisiatif yang telah dirangka bagi membantu mereka yang telah kehilangan pekerjaan dan mata pencarian berikutan pandemik yang melanda negara ketika ini.

22. PR-1441-L12571
Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah definisi kluster oleh KKM untuk pengetahuan para hadirin dewan yang mulia ini dan para rakyat Malaysia di luar sana.
23. PR-1441-L12126
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan inisiatif-inisiatif mudah dan cepat bagi orang ramai yang ingin melupuskan kereta dan motorsikal lama mereka. Kenderaan terbiar merupakan antara masalah besar yang dihadapi oleh pihak berkuasa tempatan di kawasan-kawasan yang mempunyai penduduk yang padat seperti di Kepong dan sering mendatangkan pelbagai jenis masalah.
24. PR-1441-L11855
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah-langkah jangka masa panjang yang diambil untuk membantu peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan tempatan yang telah terjejas perniagaan mereka secara teruk akibat pandemik COVID-19 dan juga Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dikenakan oleh Kerajaan sepertimana yang dilaporkan dalam media massa baru-baru ini.
25. PR-1441-L12043
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk menangani dan membendung jenayah bunuh diri di kalangan orang Islam yang semakin meningkat khusus ketika pandemik COVID-19.
26. PR-1441-L12516
Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) sama ada Kerajaan merancang untuk memberi dos *booster* tahunan memandangkan COVID-19 telah menjadi pandemik di Malaysia; dan
 - (b) adakah Kementerian membuat kajian tahap antibodi bagi penerima yang sudah lengkap 2 dos vaksin COVID-19.

27. PR-1441-L11738
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah dasar terkini mengenai program *Malaysia My Second Home* (MM2H), termasuklah sebab-sebab utama perubahan dasar tersebut dan apakah kesan perubahan kepada penduduk MM2H yang sedia ada di Malaysia.
28. PR-1441-L11492
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat mengawal sektor perkhidmatan kesihatan swasta tanpa kuasa darurat memandangkan kes-kes berkaitan COVID-19 ditolak oleh hospital swasta dan adakah Kerajaan bercadang untuk membuka lebih banyak pusat kuarantin khususnya kepada pesakit COVID-19 yang bergejala bagi mengelakkan jangkitan.
29. PR-1441-L11883
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan masalah sistem MySejahtera yang tidak menunjukkan *digital certificate* sama ada tidak tepat ataupun langsung tidak ditunjukkan walaupun sudah mendapat kedua-dua dosnya, terutamanya berlaku di wilayah Sarawak.
30. PR-1441-L12261
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah bilangan dan nilai kompaun melanggar SOP yang telah dikeluarkan sejak 2020 hingga kini, turut mohon laporkan jumlah nilai kutipan kompaun yang diterima setakat ini.
31. PR-1441-L11967
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina sebuah hospital untuk menempatkan dan menampung kadar kemasukan pesakit yang semakin meningkat.
32. PR-1441-L12236
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Hospital Bau sejak 2018 kerana terlalu banyak kekurangan dari segi kemudahan dan alat perubatan bagi memenuhi keperluan hospital dan klinik-klinik kesihatan.

33. PR-1441-L11450
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang pembekalan 3 ambulans yang telah dijanjikan 2 tahun lepas yang masih belum diperoleh oleh Hospital Kulim.
34. PR-1441-L12404
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kadar pengangguran di kalangan orang muda dan graduan pada tahun 2020 dan sehingga Ogos 2021. Nyatakan usaha untuk membantu golongan ini mendapatkan pekerjaan yang berkualiti.
35. PR-1441-L12047
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan tindakan Kementerian dalam mempertingkatkan infrastruktur bekalan air bersih luar bandar khusus di daerah Sik dan kawasan pedalaman lain dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk meluaskan sumber air alternatif khususnya air bukit untuk disalurkan kepada perbekalan air masyarakat.
36. PR-1441-L11858
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah *overworked frontliners* dan kesesakan di hospital akibat terlalu banyak pesakit yang kini semakin serius di mana penjagaan pesakit di hospital telah pun terjejas (*compromised*) dan merosot.
37. PR-1441-L12444
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada pegawai polis atau pegawai dari Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (mereka bukan pegawai yang ada kaitan dengan kesihatan) adalah orang yang diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) sebelum dan selepas ia dipinda oleh Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit)(Pindaan) 2021 untuk mengeluarkan kompaun dan menerima wang kompaun yang dikenakan.
38. PR-1441-L12228
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah menambah baik aspek teknologi digital kesihatan awam serta kesepaduan data raya bagi menyediakan sistem kesihatan awam yang lebih meluas dan berdaya tahan.

39. PR-1441-L11577
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar positif antibodi COVID-19 di kalangan komuniti mengikut kajian yang telah dijalankan oleh KKM.
40. PR-1441-L12210
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan prinsip-prinsip utama dalam merangka strategi jangka panjang bagi menangani isu gangguan kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.
41. PR-1441-L11636
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bila Program Malaysia Rumah Keduaku MM2H akan disambung semula. Apakah perubahan terma dan syarat program tersebut.
42. PR-1441-L12367
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan secara terperinci usaha-usaha untuk membantu PKS dalam masa pandemik khususnya sektor yang terpaksa ditutup semasa PKP/PPN untuk tempoh masa yang lama seperti sektor pelancongan, sektor penjualan perabot dan sebagainya.
43. PR-1441-L12639
Tuan Baru Bian [Selangau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan masih banyak rumah panjang di Sarawak yang belum mendapat bekalan air bersih. Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membekal air bersih kepada penduduk luar bandar di Sarawak terutamanya di kawasan Parlimen Selangau. Jika ada, bila ianya dilaksanakan.
44. PR-1441-L11710
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada pasangan bukan warganegara Malaysia berhak untuk menetap di Malaysia setelah perceraian dari pasangan Malaysia. Pada masa ini, walaupun mereka yang mempunyai hak penjagaan bersama, mereka tidak diberikan visa untuk tinggal di negara ini.
45. PR-1441-L11540
Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pemerintah untuk membantu pihak gim dan penganjur acara luar yang perniagaannya telah terjejas oleh pelbagai PKP.

46. PR-1441-L11938

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian akan mempertimbangkan kemungkinan memberikan vaksin COVID-19 kepada kanak-kanak di antara 7 hingga 12 tahun, sebelum mereka kembali secara fizikal ke sekolah untuk pembelajaran secara fizikal dan memberikan huraian terhadap keputusan yang diambil.

47. PR-1441-L12480

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa terdapat permintaan sumbangan awam yang tinggi dari hospital dan klinik Kerajaan bagi menambah peralatan perubatan sedangkan Kerajaan telah menambah peruntukan khusus bagi COVID-19.

48. PR-1441-L12572

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam tangani peningkatan kes di negeri-negeri yang telah diberi kelonggaran pembukaan sektor ekonomi dan sebagainya memandangkan jumlah kes terus meningkat dari semasa ke semasa.

49. PR-1441-L12529

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah cadangan dan status pindaan kepada Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan bilakah ianya akan dibentangkan di Dewan Rakyat.

50. PR-1441-L11993

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah drastik yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menjamin keselamatan dan kerjaya pekerja-pekerja kontrak seperti pekerja kebersihan dan pengawal keselamatan yang terdedah kepada risiko jangkitan COVID-19 dan pekerjaan mereka terjejas dan tidak dijamin dengan sistem kontrak yang sedia ada pada masa kini.

51. PR-1441-L11609

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha pembaharuan undang-undang yang telah atau sedang diusahakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sejak Mac 2020 dan bilakah pembaharuan tersebut akan dibentang di Parlimen.

52. PR-1441-L11731
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan komitmen atau kerangka khusus untuk golongan belia dalam membina peluang kerjaya pasca COVID-19.
53. PR-1441-L11870
Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan kes penderaan seorang remaja OKU Sindrom Down yang bernama Bella yang dipercayai berlaku di sebuah rumah kebajikan di Kuala Lumpur pada Jun 2021.
54. PR-1441-L11749
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebab-sebab kebangkitan kes-kes positif COVID-19 dan bagaimana varian-varian memasuki negara ini.
55. PR-1441-L11511
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan penggunaan gelang pengawasan elektronik bagi orang dari luar negara yang dikuarantin di rumah dan apakah kaedah-kaedah yang digunakan untuk mencegah varian COVID-19 baru seperti varian Lambda dibawa masuk oleh orang luar di pintu masuk negara tanpa dikuarantin di Pusat Kuarantin.
56. PR-1441-L(5)00074
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa sampel ujian COVID-19 dari Sandakan masih perlu dihantar ke Lahad Datu untuk diproses walaupun pada sesi Parlimen tahun lalu, Kementerian Kesihatan menyatakan ia akan mendapatkan satu mesin GeneXpert bagi Hospital Duchess of Kent Sandakan untuk tujuan tersebut.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

57. PR-1441-L11634
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa banyak jenis varian COVID-19 ditemui di Malaysia dan berapa angka kematian dalam setiap kumpulan umur.
58. PR-1441-L12374
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah denda pelanggaran SOP wabak COVID-19 yang dikutip oleh PDRM sejak Mac 2020 hingga 31 Ogos 2021. Nyatakan jumlah denda yang terhutang oleh penerima kompaun polis.

59. PR-1441-L12511

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan gaji bulanan para pekerja di sektor swasta supaya melebihi paras garis kemiskinan RM2208 sebulan.

60. PR-1441-L11675

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Perikatan Nasional untuk membeli vaksin COVID-19 sehingga sekarang. Nyatakan jenis vaksin dan jumlah dana yang telah digunakan untuk pembelian setiap jenis vaksin.

61. PR-1441-L11841

Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kompaun yang telah dikeluarkan untuk kegagalan pematuhan *Standard Operating Procedure* (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 yang ditetapkan oleh Kerajaan untuk menangani penularan pandemik COVID-19.

62. PR-1441-L11996

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) angka pengangguran yang terkini dan apa yang sedang dilakukan mengenai bilangan yang semakin meningkat ini; dan
- (b) jumlah kes Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang dirujuk oleh Menteri setakat ini dan bilakah pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 akan diwartakan.

63. PR-1441-L11932

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan nisbah alat-alat perubatan, tangki oksigen dan ventilator kepada pesakit ICU COVID-19 di HTAR dan jumlah peruntukan kewangan dari pihak Kerajaan dan sumbangan daripada pihak swasta, NGO dan individu secara terperinci serta bagaimana ianya dibelanjakan bagi memerangi COVID-19 di HTAR tahun 2021.

64. PR-1441-L12313
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penjelasan sekatan polis ke atas Ahli-ahli Parlimen yang ingin ke Parlimen pada 2 Ogos 2021 dan sejauh mana siasatan dilakukan terhadap aduan polis mengenai halangan yang dialami oleh Ahli-ahli Parlimen pada hari tersebut.
65. PR-1441-L11545
Dato' Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Hospital Sri Aman yang baru dijangka siap dibina. Apakah sebab projek ini dikategorikan sebagai projek sakit atau terlewat.
66. PR-1441-L12539
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah kesesakan pesakit-pesakit, khususnya COVID-19 di Hospital Serdang.
67. PR-1441-L11756
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pembekal tabung oksigen menghadapi masalah pembekalan dan adakah pihak Kementerian dapat mengawal dan merasionalisasikan harga tabung oksigen ekoran daripada permintaan bekalan oksigen yang tinggi.
68. PR-1441-L12402
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada boleh mempertimbangkan pembukaan sektor gim, kolam renang dan golf dan sukan lain bagi negeri di dalam Fasa 2 bagi individu yang telah mendapat vaksinasi penuh.
69. PR-1441-L12106
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes bunuh diri yang berlaku di negara kita sejak bermulanya pandemik COVID-19. Nyatakan sebab-sebab peningkatan jumlah kes bunuh diri dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menanganinya.
70. PR-1441-L12428
Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa jumlah syarikat dan pekerja yang menyertai program vaksinasi melalui program Protex di bawah anjuran Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan apakah mekanisme pembayaran yang perlu dibuat.

71. PR-1441-L11616
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapa baki peruntukan pertengahan tahun 2021 untuk pembangunan masyarakat Orang Asli dan berapa jumlah yang diperuntukkan untuk negeri Pahang khususnya di kawasan Parlimen Cameron Highlands.
72. PR-1441-L11671
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa ramai rakyat Malaysia yang telah dituduh di mahkamah sehingga hari ini kerana melanggar Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan sejak dikuatkuasakan dari tahun 2020 dan berapa jumlah denda yang telah dikutip oleh Kerajaan daripada kesalahan-kesalahan tersebut.
73. PR-1441-L11734
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peranan Pharmaniaga Berhad dalam program vaksinasi dan mengapa agensi Kerajaan tidak dapat berurusan secara langsung dengan pengilang vaksin.
74. PR-1441-L12565
Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah strategi pengagihan vaksin di Malaysia dan kenapa vaksin interval jangka masa panjang seperti AZ diagihkan ke tempat *hotspot* dan bukan vaksin *short term interval* seperti Pfizer dan Sinovac.
75. PR-1441-L12080
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan dan persediaan Kementerian sekiranya vaksin dos ketiga diperlukan bagi mengekang penularan wabak pandemik COVID-19.
76. PR-1441-L12376
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menggubal undang-undang yang menghendaki semua warga Malaysia dan warga asing untuk menjalani vaksinasi COVID-19 memandangkan agak ramai warga Malaysia yang sihat masih tidak ingin diadakan suntikan vaksin.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan masalah dicadangkan :-**

"(a) **BAHAWA** Dewan ini,

menyedari akan cabaran untuk memulih serta menjana semula ekonomi negara bagi mencapai pertumbuhan yang mampan, dengan mengambil kira landskap sosioekonomi pasca COVID-19 dan pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020;

merestui usaha Kerajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda pembangunan negara yang mampan selaras dengan semangat Keluarga Malaysia, aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030; dan

meluluskan Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi tempoh 2021 hingga 2025 yang menetapkan hala tuju strategik bagi mencapai objektif "Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan" dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara dapat diagihkan secara lebih adil dan saksama serta mengekalkan kelestarian alam sekitar, menurut Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2021.

(b) **BAHAWA** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kedua Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan sepenuh komitmen dan iltizam yang jitu untuk membangunkan negara secara mampan bagi membolehkan setiap ahli Keluarga Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan kaum menikmati taraf hidup yang wajar. "

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [30 September 2021]

- | | | | |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R 3/2021) | Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 3. | (D.R 24/2020) | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 4. | (D.R 13/2020) | Rang Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |

5. (D.R 14/2020) Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Sumber Manusia]**
6. (D.R 15/2020) Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 "
- [Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]**
7. (D.R 12/2020) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 "
- [Menteri Dalam Negeri]**
8. (D.R 2/2021) Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2021 "
- [Menteri Kewangan]**
9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-
- "Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM16,500 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang Pembangunan".
10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-
- "Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM7,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830], iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang COVID-19".
11. PR-1441-U(27)201
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-
- "Kerajaan supaya meminda Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan bagi memperjelaskan tatacara pembatalan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat."
- [Perdana Menteri]**

12. PR-1441-U(27)202

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan Persekutuan supaya melakukan pindaan Perlembagaan terhadap Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa Kerajaan-Kerajaan negeri dalam bidang kesihatan awam dan juga aktiviti kegiatan ekonomi."

[Perdana Menteri]

13. PR-1441-U(27)203

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Merasai penderitaan rakyat akibat kehilangan insan tersayang akibat COVID-19, kehilangan sumber pendapatan, serta kesukaran meneruskan pembelajaran dan pengajaran dalam sistem persekolahan yang sedia ada;

Menyedari pelbagai masalah dan kecelaruan dalam pembuatan serta pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan di peringkat Kampung;

Menyedari hakikat bahawa struktur Majlis Keselamatan Negara yang ada terbukti tidak dapat merangkumi secukupnya suara pembangkang Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan negeri untuk membentuk muafakat rentas-parti dan rentas Kerajaan yang berkesan untuk menangani pemulihan ekonomi dan kesihatan;

Mengambil maklum dasar dan SOP yang diperlukan untuk menangani wabak COVID-19 mungkin tidak popular pada permulaan dan hanya boleh berjaya jika tanggungjawab politik ditanggung bersama oleh semua parti politik dan Kerajaan negeri sebagai Tim Malaysia untuk meyakinkan masyarakat;

Mengambil maklum pemusatan kuasa dalam bidang kesihatan dan kesihatan awam di bawah Jadual ke-Sembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah menghindari Kerajaan-Kerajaan negeri daripada memberikan sumbangan yang lebih besar dalam melawan wabak COVID-19; dan

Menerima hakikat peri pentingnya pandangan dan sokongan Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar, pemimpin-pemimpin kanan parti Pembangkang dan pakar-pakar dalam masyarakat, sektor profesional dan sektor swasta untuk membantu Menteri-Menteri Persekutuan dan pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis dalam pembuatan keputusan dasar serta SOP yang inklusif;

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah bersetuju untuk mencadangkan Kerajaan supaya menubuhkan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI DAN KESIHATAN RAKYAT dengan terma-terma seperti berikut:-

1. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang Parlimen sebagai timbalan pengerusi;
2. Dianggotai oleh tiga kumpulan: Pertama, sejumlah menteri termasuk Menteri Pertahanan, Menteri Kesihatan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pelancongan, Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak; Kedua, ahli-ahli parlimen pembangkang yang menggambarkan kepelbagaian parti dan dalam jumlah yang sama; dan ketiga, semua Ketua Menteri dan Menteri Besar daripada 13 buah negeri;
3. Menerima input profesional dan kepakaran daripada sektor ekonomi, kesihatan awam dan pendidikan bersama-sama pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis; dan
4. Bermesyuarat setiap minggu sebelum mesyuarat Kabinet untuk menerima laporan dan mengambil tindakan atas perkara-perkara seperti pengangguran dan penutupan perniagaan, jangkitan, kemasukan hospital (*hospitalization*) dan kematian akibat COVID-19, prestasi vaksinasi rakyat ; Pelaksanaan SOP, keadaan persekolahan dan prestasi sektor utama ekonomi;

DAN bersetuju untuk menuntut Perdana Menteri melaporkan status penubuhan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI dalam tempoh 60 hari daripada usul ini dipersetujui oleh Dewan Yang Mulia ini. "

[Perdana Menteri]

14. PR-1441-U(27)204

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Usul Menambah 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai tambahan kepada 9 Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada.

Menerima hakikat bahawa terdapat 20 lagi portfolio dalam Kementerian-Kementerian yang belum lagi dimasukkan dalam 9 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang sudah ditubuhkan.

Menyedari tuntutan rakyat agar Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan untuk memastikan agar duit cukai mereka digunakan sebaik-baik mungkin untuk kesejahteraan rakyat.

Menyedari juga kewajipan-kewajipan Ahli-ahli Parlimen sebagai tonggak pelaksanaan institusi parlimen sebagai semak dan imbang terhadap Kerajaan dan

Menerima hakikat bahawa masih ada 88 Ahli Dewan Rakyat serta sebilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang belum dilantik dalam mana-mana Jawatankuasa Parlimen.

Maka saya dengan ini (bagi pihak 55 Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah menghantar memorandum kepada Tuan Yang di-Pertua mohon supaya ditubuhkan 13 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen) meminta supaya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menubuhkan 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen seperti berikut: Sekiranya jumlah MP bagi setiap PSSC tidak ditambahkan, kami menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan 13 PSSC baharu bagi portfolio-portfolio berikut:

No	Portfolio Menteri	PSSC Sepadan Diperlukan
1	JPM - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak	Federalisme dan Desentralisasi*
2	JPM - Hal Ehwal Agama	Hal Ehwal Agama*
3	Hal Ehwal Luar Negeri	Hal Ehwal Luar Negeri
4	Alam Sekitar dan Air	Alam Sekitar dan Air
5	Tenaga dan Sumber Asli	Tenaga dan Sumber Asli
6	Pengangkutan	Pengangkutan**
7	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Perumahan dan Kerajaan Tempatan**
8	Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan
9	Sumber Manusia	Sumber Manusia
10	Komunikasi dan Multimedia	Komunikasi dan Multimedia
11	Belia dan Sukan	Belia dan Sukan
12	Pelancongan, Seni dan Budaya	Pelancongan, Seni dan Budaya
13	Perpaduan Negara	Perpaduan Negara
14	Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Pembangunan Usahawan dan Koperasi

[Perdana Menteri]

15. PR-1441-U(27)205

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Usul Pindaan Perlembagaan Pasal 1(2).

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dalam Kerajaan yang lalu sudah pun mengumumkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah *equal partner* persekutuan Malaysia. Dan

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Yassin juga telah mengumumkan status Sabah dan Sarawak sebagai Wilayah. Dan

Menyedari pelbagai kekeliruan di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat jelata telah timbul akibat daripada siri pengumuman tersebut.

Menerima hakikat bahawa rakyat Sabah dan Sarawak sudah sekian lama membuat tuntutan agar kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* ditunai dan dilaksanakan melalui perundangan. Dan

Menerima hakikat tentang sebutan asal Perlembagaan Persekutuan sebenarnya sudah mengambil kira kedudukan Sabah tersebut sebelum pindaan Pasal 1(2) dilakukan pada tahun 1976.

Maka dengan itu Dewan yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar Kerajaan membentangkan pindaan terhadap Pasal 1(2) dengan memasukkan kehendak dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam sesi persidangan parlimen kali ini."

[Perdana Menteri]

16. PR-1441-U(27)206

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi Kawasan Pengerang untuk mencadangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2021 dan Rang Undang-Undang Pemecatan Ahli-ahli Parlimen 2021."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 116	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu Bagi Tahun 2019	4 Oktober 2021
ST. 117	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah Bagi Tahun 2019	4 Oktober 2021
ST. 121	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis Bagi Tahun 2019	4 Oktober 2021
ST. 135	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Bagi Tahun 2019	4 Oktober 2021
ST. 157	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) Bagi Tahun 2019	4 Oktober 2021

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 04.10.2021 (Isnin)	1. YB Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh (Ledang)	1. Permohonan Pembinaan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Mini Dalam Daerah Tangkak	1. YB Menteri Pembangunan Luar Bandar
2. 04.10.2021 (Isnin)	2. YB Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)	2. Masalah Bekalan Benih Padi Sah	2. YB Menteri Pertanian Dan Industri Makanan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**